

KENYATAAN MEDIA

**TAJUK : RUMAH SELANGORKU
AGENCI PERUMAHAN SELANGOR BERDEPAN
PEMAJU DEGIL**

SALURAN : BULETIN UTAMA, TV3

TARIKH : 4 FEBRUARI 2018

1. Rumah Selangorku merupakan penjenamaan Rumah Mampu Milik setelah mengambilkira kepentingan golongan B40 dan M40 sehingga pendapatan bulanan isi rumah RM10,000.00. Dari itu terdapat empat (4) kategori Rumah Selangorku iaitu :

JENIS	GOLONGAN SASAR	HARGA (RM)
A	B40	42,000.00
B	B40/M40	100,000.00
C	M40	150,000.00 – 180,000.00
D		220,000.00 – 250,000.00

2. Setakat Disember 2018 didapati sebanyak 20,627 unit sedang dibina dan dijangkakan siap pada tahun 2021 manakala sebanyak 3,620 unit lagi telah pun siap dan penyerahan kunci telah mula dibuat. Sehingga Januari 2018 sebanyak 24,834 pembinaan telah ditawarkan dimana pecahannya seperti berikut :

JENIS	BILANGAN	PERATUS (%)
A	3,168	12.7
B	3,900	15.7
C	10,131	40.7
D	7,635	30.9
JUMLAH	24,834	100.00

Didapati untuk Rumah Selangorku berharga sehingga RM180,00.00 adalah sebanyak 69.1% merupakan kategori terbanyak ditawarkan berbanding dengan harga RM200,000.00 ke atas sebanyak 30.9% sahaja.

3. Pentadbiran ini sentiasa memastikan imbangan antara golongan B40 dan M40 dapat menikmati rumah idaman mereka terutamanya golongan belia.
4. Berdasarkan rekod sehingga Januari 2018, belia dalam lingkungan umur 18 – 30 tahun merupakan golongan yang tertinggi ditawarkan Rumah Selangorku dengan 58%.
5. Proses kerja pengeluaran surat tawaran seperti berikut :
 - i. Menerima , menyemak dan mengesahkan dokumen sokongan pemohon yang berjaya ditawarkan;
 - ii. Menyediakan surat tawaran kepada pemohon yang layak ditawarkan; dan
 - iii. Menghantar surat tawaran kepada pemohon dan pemaju.
6. Kerajaan Negeri telah menetapkan prosedur tempoh sah laku bagi setiap permohonan pendaftaran Rumah Selangorku secara online adalah sah laku selama dua (2) tahun daripada tarikh pendaftaran pemohon. Selepas tempoh tersebut sekiranya pemohon tidak ditawarkan rumah, maka permohonan baru perlu dibuat semula secara online dengan mengemaskini maklumat terkini pemohon. Sehubungan itu, kehilangan data pemohon adalah tidak berlaku sekiranya pendaftaran Rumah Selangorku belum melebihi tempoh dua (2) tahun.
7. Sehingga Januari 2018 didapati hanya terdapat 12 pemaju yang telah dikenal pasti betul-betul ingkar untuk membina Rumah Selangorku. Tindakan yang diambil :
 - i. Tidak ada kelulusan Kebenaran Merancang untuk perancangan membina rumah harga bebas dibenarkan sehingga Rumah Selangorku dibina;
 - ii. *Stop Work Order* akan dikeluarkan; dan
 - iii. Membatalkan keputusan MMKN dan perlu diangkat semula apabila hendak dibuat pembangunan termasuk pembinaan harga bebas.
8. Pemantauan dibuat setiap bulan bagi memastikan elemen pemaju ingkar ini dapat dikenalpasti dan tindakan di para (6) akan dilaksanakan.
9. Golongan belia didapati lebih terbuka dalam menentukan matlamat mereka samada untuk membeli atau menyewa. Atas kesedaran itu maka Smart Sewa telahpun diwujudkan, dimana terdapat 220 unit sedia untuk disewakan. Sebanyak 57% penyewa adalah golongan belia dalam lingkungan umur 18 – 30 tahun setakat Januari 2018. Setelah habis tempoh sewaan, Kerajaan Negeri akan mengembalikan sebanyak 30% daripada nilai sewaan. Ini menunjukkan Kerajaan Negeri peduli akan kepayahan golongan ini dengan menyediakan deposit dan urusan perundangan dalam membeli rumah.

10. Setakat ini sebanyak 3,232 unit telah dibina di Semenyih dan Beranang pada harga RM42,000.00 – RM250,000.00. Sementara di Ijok pula terdapat projek Rumah Teres dan Rumah Bandar yang berharga RM220,000.00. Pembinaan Rumah Teres dan Rumah Bandar didapati lebih mendapat sambutan memandangkan kos pembayaran penyelenggaraan lebih rendah berbanding rumah bertingkat.
11. Kerajaan Negeri bukan sahaja membina Rumah Bertingkat malahan menggalakkan pemaju membina Rumah Teres yang mana ianya jauh lebih rendah daripada Rumah Teres harga bebas dikawasan yang sama iaitu berharga dalam lingkungan RM500,000.00 ke atas.
12. Pentadbiran merakamkan penghargaan kepada TV3 yang telah menonjolkan perkara berkenaan. Melalui hebahan berkenaan jelas menunjukkan Rumah Selangorku menjadi rebutan rakyat dan mereka mahu lebih banyak dibina kerana harganya kurang daripada RM300,000.00 seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pentadbiran ini percaya Rumah Selangorku sentiasa dihati rakyat.

Disediakan oleh :
Unit Korporat & Aduan (UKA)
Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor